

FPP BizNewz

December 2020 – May 2021

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**TRIBUNAL TUNTUTAN
PEMBELI RUMAH:**
Pembeli vs Pemaju
Perumahan

Is Working from Home
a Dream-Come-True
for Introverts or
Vice Versa?

Market Reaction to
PRIVATE PLACEMENT

BELAJAR DENGAN
TikTok

HIBAH:
Alternatif kepada
Pengurusan Aset
Islam di Malaysia

BENGKEL PEMANTAPAN
**PENULISAN ARTIKEL
UNTUK PENERBITAN**

**BERSELAWATLAH,
TANDA KASIH KEPADA
RASULULLAH S.A.W.**

E-DOMPET
DI MALAYSIA:
SATU TINJAUAN

ONE JOURNEY
COMES TO AN END
AND ANOTHER **BEGINS**



Photo by:
M Rishal
on Unsplash

e-Bulletin of the Faculty of Business and Management, UiTM Cawangan Terengganu
eISSN 2600-9811

HIBAH:

Alternatif kepada Pengurusan Aset Islam di Malaysia

A'tiqah Rashidah Abu Samah
Roseziahazni Abdul Ghani
Zuraida Mohamad
Noorhayati Yusof Ali

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
UiTM Cawangan Terengganu

KEKAYAAN DAN HARTA

yang dimiliki oleh seseorang merupakan amanah Allah yang harus diuruskan dengan baik dan bersesuaian dengan syari'at Islam. Pengurusan aset menurut Islam bukan hanya bertujuan untuk memperolehi keuntungan dunia semata-mata, tetapi pada masa yang sama untuk mendapat ganjaran di akhirat.

Konsep Islam mengenai pengurusan aset tertumpu kepada isu penyelesaian warisan dan ilmu *Farai'd*. Pengurusan aset yang dikendalikan dengan betul dan terancang bukan sahaja memberi manfaat kepada pemilik dan pemegang kepentingannya, tetapi juga dapat diagihkan kekayaan tersebut kepada waris-waris dan benefisiari yang sah mengikut budi bicara dan adil setelah kematian pemiliknya (Abdullah, Ab Rahman, Khalid, & Abdullah, 2020).

Antara isu kontemporari yang berkaitan dengan pengurusan aset dalam Islam adalah isu berkaitan dengan jumlah peningkatan harta yang tidak dituntut dan pembekuan aset orang Islam setiap tahun. Menurut Shafie, Yusoff, dan Edrus (2014), punca utama kepada permasalahan ini termasuk kaedah



pengurusan dan pentadbiran yang tidak berkesan, sistem perundangan yang lemah, dan kurangnya pengetahuan mengenai pengurusan harta pusaka si mati. Fenomena ini menimbulkan pelbagai isu dan menjadi permasalahan yang semakin meruncing serta amat sukar untuk diselesaikan. Sekiranya masalah ini berlanjutan dalam jangka masa panjang, ia merupakan satu pembaziran bagi umat Islam kerana aset tersebut tidak boleh dikembangkan dan pendapatan tidak dapat dijana untuk pembangunan ekonomi umat Islam.

Menurut statistik seperti yang tertera dalam jadual 1.0, terdapat peningkatan peratusan pertumbuhan aset beku yang agak tinggi di Malaysia di mana nilaian aset beku ini termasuklah

Tahun	Nilai Anggaran Aset Beku	Peratusan (%) Peningkatan
2006	38 bilion	-
2010	41 bilion	7.89%
2011	42 bilion	2.43%
2012	52 bilion	23.80%
2013	66 bilion	26.92%
2014	66.6 bilion	0.91%
2019	70 bilion	5.11%
2022 (Anggaran)	80 bilion	14.29%

Sumber: Berita Harian Online, Metro Online, Kosmo Online

nilai aset umat Islam. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Wasiyyah Shoppe Berhad (Metro, 2020), sebuah syarikat amanah patuh sari'ah yang berdaftar dan beroperasi di bawah Akta Pemegang Amanah, dijangkakan pada tahun 2022 nilai aset beku Malaysia akan meningkat kepada 80 bilion, dan lebih memburukkan lagi, 90% daripada nilaian ini adalah merupakan aset kepunyaan orang Islam. Ini memberi isyarat bahawa pendekatan yang lebih tepat harus diambil agar masalah aset beku ini dapat diatasi atau dikurangkan.

Antara kelemahan pengurusan aset yang sedia ada adalah proses tuntutan

pewarisan yang lebih lama diambil untuk kes di bawah *Fara'id* dan apabila berlaku kematian tanpa wasiat. Sementara itu, menurut *Amanah Raya Berhad*, iaitu sebuah syarikat peramanahan yang mempunyai bidang kuasa khusus dalam perkara-perkara berkaitan Pentadbiran Harta Pusaka di Malaysia, terdapat empat faktor utama berkaitan waris yang menyumbang kepada kelewatan pembahagian harta pusaka. Faktor-faktor berkenaan adalah kegagalan waris untuk mengemukakan dokumen secara lengkap, pertikaian antara waris, ketidakjujuran pemohon dalam menyenaraikan waris, dan keengganan waris membuat pembayaran perkhidmatan kepada ARB Birokrasi yang melibatkan pihak ketiga seperti urusan dengan pelbagai badan kerajaan atau agensi *Kumpulan Wang Simpanan Pekerja* (KWSP), institusi kewangan, dan Mahkamah Shari'ah yang menjadi punca pembahagian harta pusaka tertangguh.

Justeru itu, satu usaha atau perancangan awal perlu dibuat oleh setiap pemilik harta dalam pembahagian harta kepada pewaris-pewaris atau bakal penerima-penerima yang dipilih ketika pemilik harta masih hidup. Perancangan pemberian yang dilakukan ketika pemilik harta masih hidup ini dinamakan *Hibah*.

Hibah adalah salah satu instrumen penting dalam perancangan harta tanah menurut undang-undang Islam di Malaysia selain daripada *Fara'id* dan *Wassiyah*. Ia adalah pemberian hadiah sama ada diberikan kepada mereka yang memerlukan atau untuk seseorang yang disayangi tanpa memikirkan sesuatu sebagai balasannya.

Hibah menurut syarak boleh didefinisikan sebagai suatu akad yang memberikan pemindahan hak milik dan aset yang sah oleh seseorang secara sukarela terhadap hartanya kepada seseorang yang lain pada masa

hidupnya tanpa balasan (*I'wad*) dan tidak mengharapkan pahala di akhirat dengan memuliakan seseorang.

Berdasarkan kepada definisi *Hibah* ini, Muda (2008) telah menyenaraikan beberapa ciri *Hibah*, iaitu:

- Suatu akad pemberian milik harta kepada sesuatu pihak;
- Harta yang boleh dihibah adalah ain harta, bukannya hutang atau manfaat;
- Akad *Hibah* dibuat tanpa mengenakan sebarang balasan (*i'wad*);
- Akad *Hibah* berkuatkuasa semasa hidup pemberi *Hibah*;
- Ia dibuat secara sukarela tanpa paksaan;
- Akad dibuat bukan bertujuan untuk mendapat pahala atau memuliakan seseorang tertentu.

Dalil pensyari'atan berkenaan *Hibah* ini boleh dirujuk kepada Firman Allah dalam al-Quran, iaitu dalam Surah Al-Nisa', ayat 4, yang bermaksud:

"Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian daripada mas kahwinnya, maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik sesudahannya".

Sementara itu, Rasulullah S.A.W juga pernah bersabda berkaitan *Hibah* ini, sepertimana yang telah riwayatkan oleh Imam al-Bukhari r.a. yang bermaksud:

"Saling memberi hadiahlah kamu nescaya kamu akan saling sayang-menyayangi".

Pada masa kini, *Hibah* dianggap sebagai satu penyelesaian terbaik untuk mengatasi masalah peningkatan jumlah aset beku di Malaysia yang merangkumi harta benda atau wang tunai yang tidak dituntut. Sekiranya ia



harta benda dalam kalangan pewaris. Melalui *Hibah*, ia juga dapat menolong saudara terdekat yang memerlukan pertolongan dan sokongan.

Hibah tidak bertujuan untuk membelakangi sistem pembahagian harta secara *Fara'id*. Sebaliknya, ia merupakan satu alternatif kepada sistem pengagihan harta dalam Islam. Walau bagaimanapun, instrumen ini masih belum mendapat sambutan yang sewajarnya berbanding perancangan harta tanah atau harta yang lain. Namun begitu, instrumen ini telah dapat menyelesaikan banyak isu berbangkit yang tidak dapat diselesaikan oleh instrumen pengurusan harta yang lain.

Islam telah menawarkan cara terbaik untuk mengendalikan dan mentadbir harta benda dengan cara yang lebih bijaksana, namun ruang dan potensi tersebut tidak digunakan sepenuhnya. Isu perancangan dan pengurusan harta pusaka haruslah dipandang serius oleh semua umat Islam. Untuk mengelakkan berlakunya konflik dalam kalangan pewaris harta tanah, perancangan dan penyelenggaraan harta tanah ini haruslah dilakukan semasa pemiliknya masih hidup.

• • •

Rujukan:

1. Abdullah, H. K. M., Ab Rahman, S., Khalid, R. M., & Abdullah, N. A. M. (2020). Perkembangan Pengurusan dan Pentadbiran Harta Pusaka Islam Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 42-53.



FPP BizNewz

December 2020-May 2021
Faculty of Business and Management
UiTM Cawangan Terengganu
eISSN 2600-9811